# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 03 MAC 2024

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

## Dana RM2 bilion cipta lebih ramai usahawan bertaraf global

# Dana RM2 bilion cipta lebih ramai usahawan bertaraf global

### GLC, GLIC diberi tanggungjawab bantu Kerajaan Perpaduan jayakan agenda

KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan bersetuju meluluskan dana RM1 bilion bagi melahirkan lebih ramai generasi usahawan baharu Bumiputera dengan usaha ke arah itu dipertanggungjawabkan kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Sejumlah RM1 bilion lagi diperuntukan untuk penyediaan Dana Pembiayaan Kredit Mikro Bumiputera melalui insitusti kewangan seperti Bank Simpanan Nasional (BSN), Agrobank dan Tekun Nasional kepada pembiayaan pelbagai segmen usahawan Bumiputera.

Mengumumkan demikian pada majlis penutupan Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) di sini, semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan sasaran kerajaan untuk mencipta lebih ramai usahawan Bumiputera seperti Aerodine, Les' Copaque dan Monstar.

"Kita mesti mampu mencipta lebih ramai usahawan Bumiputera dalam bidang pertumbuhan tinggi seperti Aerodine, yang berjaya menembusi pasaran global dalam perkhidmatan dron.

"Juga berbangga dengan kejayaan Les' Copaque dan Monstar yang menggungguli industri karya kreatif.

"Begitu juga usahawan muda yang ramai sebaik mereka ada petanda keupayaan untuk maju, kita harus beri segala dukungan seperti disaksikan dalam kelebihan teknologi digital baharu untuk berniaga seperti Khairul Aming (pempengaruh media sosial).

"Bagi Dana Pembiayaan Kredit Mikro Bumiputera RM1 bilion, penekanan diberi kepada golongan wanita, belia dan veteran tentera untuk menerima pembiayaan," katanya.

Yang hadir sama pada majlis diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof.

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, usaha itu perlu dilaksana dengan jayanya, memandangkan ia antara isu yang banyak dibangkitkan sepanjang tiga hari kongres yang berakhir semalam.

"Kita harus mengakui kelemahan dalam pelaksana sebelum ini, kelemahan terbesar dalam agenda Bumiputera adalah generasi baharu Bumiputera.

"Ada teguran sepanjang semalam (kelmarin) dan hari ini (semalam), ini yang harus kita ambil kira," katanya.



Anwar ketika berucap pada majlis penutup KEB 2024 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

**Wakaf MARA MADANI**

Pada masa sama, Anwar turut mengumumkan penubuhan Tabung Wakaf MARA MADANI dengan geran peluncuran berjumlah RM100 juta yang menyasarkan dana terkumpul berjumlah RM1 bilion dalam tempoh dua tahun.

Beliau berkata Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan untuk menjadi penaung kepada sistem wakaf itu dan prestasi inisiatif tersebut akan dilaporkan secara berkala kepada Majlis Raja-Raja Melayu.

Menurut Anwar, sistem wakaf itu akan diteraju Majlis Amanah Raya (MARA) dan dilaksanakan oleh Yayasan Pelajaran MARA selari dengan hasrat penubuhan agensi itu.

"Wakaf MARA MADANI akan memberi manfaat kepada 70.1 peratus rakyat Bumiputera dan memastikan keterjaminan pendidikan, kebajikan, kesihatan, keusahawanan dan pengangkutan yang semakin mencabar di alaf baru ini.

"Kerajaan turut bersetuju untuk melanjutkan potongan cukai bagi wakaf berasaskan saham seperti Wakaf ASNB (Amanah Saham Nasional Bhd) dan Waqaf An-Nur di bawah Johor Corp," kata beliau.

Bagi menjamin ketersediaan perumahan mampu milik untuk Melayu supaya kekal di kawasan pusat bandar, Perdana Menteri berkata sebanyak 2,500 unit rumah mampu milik akan dimajukan di bawah Skim Perumahan MADANI di tanah rizab Melayu dalam kadar segera.

Kerajaan juga akan memastikan pemilikan 200 ekar tanah kerajaan, termasuk 50 ekar tanah di Bandar Malaysia kekal dimiliki orang Melayu.

"Untuk itu, Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) diamanahkan untuk menerajui dan memacu pembangunan komersial di tanah rizab Melayu," katanya.

Selain itu, kerajaan berhasrat melahirkan 100,000 pelatih program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Bumiputera di mana mereka akan menerima gaji pada kadar lebih tinggi dari gaji minimum iaitu RM3,000 sebulan.

Perdana Menteri berkata, GLC dan GLIC serta syarikat swasta termasuk dimiliki kaum Cina dan India turut sama terlibat.

## 3 penetapan dukung aspirasi hala tuju agenda baharu

**Datuk** Seri Anwar Ibrahim menggariskan tiga isbat atau penetapan bagi mendukung aspirasi untuk diterjemahkan ke dalam hala tuju agenda baharu pemerkasaan Bumiputera.

Perdana Menteri berkata, isbat itu ialah memperkukuh pasak ekonomi negara, memperkukuh kerukunan tata kelola dan institusi serta menegakkan keadilan sosial.

"Bagi mendukung aspirasi yang diutarakan oleh semua lapisan masyarakat, saya berpandangan agenda pemerkasaan ini wajar dilaksanakan melalui beberapa pemacu yang menjadi fokus utama yang saya agihkan kepada tiga isbat.

"Isbat pertama iaitu memperkukuh pasak ekonomi negara perlu memberi fokus kepada beberapa pemacu utama membabitkan usaha mengukuhkan daya saing, meningkatkan penskalaan, meningkatkan dan mengekalkan pemilik ekuiti, mencipta kekayaan dan menoktahkan kemiskinan tegar," katanya berucap pada majlis penutupan Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Anwar berkata, di bawah isbat terbabit, beliau berharap golongan Bumiputera dapat meningkatkan taraf sosioekonomi ke landasan lebih baik.

Bagi isbat memperkukuh kerukunan tatakelola dan institusi, Perdana Menteri berkata, ia memberi penekanan kepada penghayatan dan falsafah Bumiputera.

Ia termasuk pengukuhan penyampaian perkhidmatan dan peningkatan penyertaan syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) yang perlu diberi tumpuan khusus.

"Bahkan etika kerja dan nilai integriti yang tinggi perlu diterapkan dalam tatakelola dan institusi kita.

"Dengan pelaksanaan ini, adalah diharap kita semua bersama-sama menganjakkan paradigma penyampaian perkhidmatan ke atah lebih baik demi kemaslahatan sejagat," katanya.

Beliau berkata, isbat ketiga iaitu menegakkan keadilan sosial memberi tumpuan untuk menyokong anjakan mobiliti sosial, meningkatkan kesaksamaan peluang dan memperluas jaringan perlindungan sosial.

"Antara bidang yang memerlukan penelitian khusus merangkumi ekosistem pendidikan, perkhidmatan kesihatan, perumahan dan akses kepada infrastruktur asas berkualiti.

"Selain itu, usaha meningkatkan sosioekonomi Orang Asli serta keseimbangan pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak harus diberi tumpuan," katanya.